

Kajian Impak RTC dan mRTC Pahang

Fadzida Ismail, Yuserrie Zainuddin, Norazidah Shamsudin, Rozana Sahadan,
Ramle Abid, Saiful Bahri Ahmad Bakarim

Universiti Malaysia Pahang, Lebuhraya Tun Razak, 26300 Kuantan, Pahang, Malaysia

Abstrak

Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dan mini RTC (mRTC) ialah pusat sehenti pelbagai perkhidmatan yang dibina oleh kerajaan dengan tujuan memberi kemudahan kepada penduduk sekitar luar bandar. RTC dan mRTC melaksanakan aktiviti-aktiviti bercorak nilai-tambah bagi memberi peluang ekonomi dan aktiviti sosial kepada penduduk setempat selari dengan inisiatif-inisiatif bersepadu yang diperkenalkan di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS). Objektif kajian ini adalah menilai impak RTC dan mRTC Pahang. Kajian ini meneroka keberkesanan kewujudan RTC dan mRTC Pahang dalam pembangunan ekonomi luar bandar dan masyarakat setempat melalui kaedah kuantitatif. Analisis dibahagikan kepada dua bahagian berdasarkan kategori responden iaitu penduduk setempat sebagai pengguna perkhidmatan dan pengurus RTC dan mRTC Pahang sebagai ejen pembekal perkhidmatan. Soalan dibahagikan kepada dua jenis impak iaitu impak terhadap sosial dan impak terhadap pendidikan. Secara umumnya, impak dari kewujudan RTC dan mRTC Pahang menunjukkan prestasi pencapaian yang tinggi iaitu mewujudkan pelbagai produk dan perkhidmatan, peningkatan peluang pekerjaan serta pertumbuhan perniagaan yang lebih berkembang. Impak RTC dan mRTC Pahang ke atas pendidikan juga menunjukkan prestasi tahap tinggi. Selain itu, impak pendidikan juga terkesan dari aspek meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap persekitaran. Kesimpulannya, RTC dan MRTC Pahang telah membantu meningkatkan kualiti dan taraf hidup masyarakat luar bandar.

Abstract

Rural Transformation Centre (RTC) and mini RTC (mRTC) are one-stop centres built by the government to provide services for rural community. RTC and mRTC perform value-added activities oriented to provide economic and social opportunities to the community in line with the integrated initiatives introduced under the National Blue Ocean Strategy (NBOS). The objective of this study is to assess the impact of the RTC and mRTC Pahang. This study explores the effects of the existence of RTC and mRTC Pahang in the development of the rural economy and local communities through quantitative method. The analysis is divided into two parts based on the categories of respondents, namely the locals as the users and RTC and mRTC Pahang managers as the agents of the service provider. The questions are divided into two types, namely the social impact and the education impact. Generally, the impact of RTC and mRTC Pahang shows high performance standards which creates a variety of products and services, increment in job opportunities and business growth. The impact on education also shows a high level performance. In addition, the impact of education is important in the form of